

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SAMBUTAN AWAL TAHUN 1443 HIJRAH

Bandar Seri Begawan, hari Ahad, 28hb Zulhijjah 1442H bersamaan 08hb Ogos 2021M –

Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin memaklumkan kepada orang ramai khususnya umat Islam di negara ini, bahawa berikutan daripada perkembangan terkini kes wabak COVID-19 di negara kita, maka Majlis Sambutan Awal Tahun 1443 Hijrah Peringkat Negara yang dijadualkan pada esok petang, hari Isnin, 9hb Ogos 2021 di masjid, surau dan balai-balai ibadat seluruh negara, adalah ditiadakan.

Walaupun kedatangan tahun hijrah tahun ini tidak dapat disambut seperti lazimnya, namun umat Islam di negara ini diserukan untuk tetap memperingati dan meraikan hari kebesaran Islam ini dengan membaca Doa Akhir dan Awal Tahun di rumah masing-masing, sama ada secara persendirian atau berjemaah di kalangan ahli keluarga serumah.

Sebagai panduan, Doa Akhir Tahun Hijrah 1442 dibaca sebelum azan sembahyang fardhu Maghrib, dan Doa Awal Tahun Hijrah 1443 dibacakan selepas sembahyang fardhu Maghrib.

Sementara itu, bagi masjid, surau dan balai-balai ibadat pula adalah dikehendaki untuk membaca kedua-dua doa berkenaan dengan menggunakan pembesar suara yang boleh didengar dan diikuti atau diaminkan oleh orang ramai yang tinggal di sekitar kejiranan masjid, surau dan balai-balai ibadat berkenaan.

Teks doa ada disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan akan diedarkan secara atas talian melalui laman sesawang rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama (www.kheu.gov.bn) dan akaun Telegram rasmi 'GOV.BN Official'.

Intipati kedua-dua doa berkenaan itu ialah kita dengan keinsafan mengaku akan kelemahan dan kekurangan kita manusia selaku hamba Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan makhluk-Nya. Lalu kita beristighfar memohon ampun kepada-Nya atas dosa-dosa yang terlanjur kita lakukan, yang mana sesungguhnya Allah memberi kita kesempatan menebusnya dengan bertaubat untuk tidak mengulangi keterlanjuran yang telah dilakukan.

Semoga dengan istighfar, doa dan taubat sedemikian itu, Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan merahmati kita sekalian yang membaca atau mengaminkannya dengan penuh harapan dan keyakinan. Demikian juga semoga ia mendatangkan berkat kepada diri kita, ahli keluarga, jiran tetangga sekampung halaman dan masyarakat senegara dengan dilindungi dari segala bahaya, khususnya dalam suasana perkembangan terkini jangkitan wabak COVID-19 di negara kita sekarang, sesuai dengan maksud firman Allah ayat 33 surah al-Anfal:

"Dan Allah tidak sekali-kali akan menyiksa mereka, sedang engkau (wahai Muhammad) ada di kalangan mereka; dan Allah tidak akan menyiksa mereka sedang mereka beristighfar (meminta ampun)".

-TAMAT-

Rujukan: KHEU/BPA/PR261/OGOS2021

Tarikh: 28hb Zulhijjah 1442H / 8hb Ogos 2021M